

KENYATAAN AKHBAR

CIDB MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP KONTRAKTOR KL ECO CITY LINK BRIDGE

KUALA LUMPUR, 22 MEI: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Tuck Sin Engineering & Construction Sdn Bhd, kontraktor bagi projek jejantas pejalan kaki (KL ECO CITY LINK BRIDGE). Pendakwaan di **Mahkamah XX** pada hari ini adalah mengikut peruntukan Seksyen 34B (1) (C) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Kes ini akan disebut semula pada 31 Mei 2017.

“CIDB telah mengambil tindakan undang-undang tersebut kerana kontraktor berkenaan telah didapati gagal dalam memastikan keselamatan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan seperti mana yang diperlukan mengikut Akta 520 dan dengan kegagalan tersebut, ianya telah menyebabkan **kematian seorang pekerja dan kecederaan kepada lima pekerja yang lain,**” kata Tuan Hj. Abdul Razak Husin, Ketua Pegawai Pendakwa CIDB Malaysia.

“Jika disabitkan, kontraktor boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya,” tambah beliau.

Insiden tersebut telah berlaku pada 30 November 2016, di mana satu insiden kemalangan di tapak pembinaan telah dilaporkan berlaku di tapak projek pembinaan “Cadangan Membina Sebuah Jejantas Pejalan Kaki Yang Menghubungkan Dari Aras 1 Blok Perniagaan 4 Tingkat Ke Paras Jalan Lingkaran Syed Putra Di Atas Sebahagian Tanah Kerajaan (PT22), Seksyen 95A Kampung Abdullah Haji Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan”. Pihak CIDB telah memulakan penyiasatan terhadap insiden tersebut selepas kejadian dilaporkan.

CIDB ingin menegaskan bahawa tindakan serius akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan Akta 520 bagi memastikan bahawa keselamatan di

tapak pembinaan sentiasa diutamakan. Baru-baru ini, kes yang seumpamanya telah berlaku pada 13 Mei 2017 di tapak pembinaan 8 Kia Peng (No 1 Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur). CIDB kini telah memulakan penyiasatan yang terperinci untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya akan diambil jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap peruntukan Akta 520.

#####

Tentang CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa	rakis@cidb.gov.my	03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail	noryani@cidb.gov.my	03-4047 7027 / 019-285 6867